

1977

KUALA LUMPUR, 29 MAC (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYARANKAN SUPAYA DIADAKAN SATU TATACARA DALAM PERKHIDMATAN AWAM YANG KELAK BOLEH MENGGANTIKAN PERINTAH AM KERAJAAN.

BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN KEBANGSAAN PERTAMA INSTITIUT PENGURUSAN KAKITANGAN MALAYSIA DI SINI, BELIAU BERKATA TATACARA SEUMPA MA ITU MERUPAKAN SATU SISTEM YANG LEBIH TEGAS DALAM USAHA MENGAWASI TINGKAH LAKU KAKITANGAN KERAJAAN.

DR. MAHATHIR MENJELASKAN SALAH SATU DARIPADA KEKURANGAN DALAM SEKTOR AWAM IALAH KETIADAAN SATU TATACARA UNTUK MEMBIMBING HEMAH SAMADA SECARA INDIVIDU ATAU KUMPULAN.

+JIKA TATACARA INI DIADAKAN DAN DIAMALKAN DALAMASA YANG TIDAK BERAPA LAMA IA AKAN DAPAT MENGGANTIKAN PERINTAH AM KERAJAAN YANG ADA SEKARANG,+ TAMBAHNYA.

DR. MAHATHIR BERKATA PERBEDAAN ANTARA KEDUA-DUANYA IALAH TATACARA PERKHIDMATAN MENGANDUNGI GARIS-GARIS KELAKUAN YANG BOLEH DITERIMA MANAKALA PERINTAH AM PULA DILAKSANAKAN DENGAN CARA PAKSA.

BELIAU BERPENDAPAT MASANYA TELAH TIBA BAGI PERKHIDMATAN AWAM BERUSAHA MENGADAKAN SATU TATACARA YANG SEDEMIKIAN SEBAGAI PANDUAN KEPADA KAKITANGAN PERKHIDMATAN ITU. -- BERSAMBUNG 1322/YF

MAHATHIR-TENAGA 2 KUALA LUMPUR

151

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN SEDANG SEBAHAGIAN BESAR KAKITANGAN DALAM SEKTOR AWAM MEMPUYAI DAYA PENGGERAK, TERDAPAT BEBERAPA ORANG YANG TELAH MEMBURUKKAN NAMA BAIK PERKHIDMATAN ITU SAMADA MELALUI KETIDAKCEKAPAN, PERBUATAN RASUAH ATAU SIKAP TIDAK AMBIL PEDULI TERHADAP KERJA MEREKA DAN KEPERLUAN RAKYAT.

PERBUATAN SEUMPA MA ITU DAN AKIBATNYA AKAN MEROSAKKAN NAMA BAIK PERKHIDMATAN AWAM, TAMBAHNYA.

KERAJAAN, TEGAS BELIAU, BERAZAM UNTUK MENGHAPUSKAN SEBARANG TANDA PENYAKIT INI DARI PERKHIDMATAN TERSEBUT.

DR. MAHATHIR JUGA MENEKANKAN BAHAWA KERAJAAN SEDANG BERUSAHA UNTUK MENGEMAS SEMULA SEPENUHNYA SISTEM PERANCANGAN TENAGA KERJA BAGI MENJAMIN BAHAWA KEPINCANGAN ATAU KURANG PENCAPAIAN TIDAK MELEBIHI DARI 10 PERATUS DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

MENURUT BELIAU, NEGARA KINI MENGHADAPI KEKURANGAN TENAGA KERJA PENGURUSAN DAN TEKNIK UNTUK MERANCANG DAN MELAKSANAKAN SEMUA PROJEK INFRASTRUKTURNYA.

+KEKURANGAN INI,+ UJAR BELIAU, +AKAN MENGAKIBATKAN KURANGNYA PENCAPAIAN MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGARA KECUALI KERAJAAN MENGAMBIL BEBERAPA LANGKAH UNTUK MENAMBAH KECEKAPAN DAN KEMAMPUAN SISTEM PELAKSANAANNYA MELALUI PENGAMBILAN TENAGA KERJA DARI SUMBER-SUMBER LUAR SERTA MENGGUNAKAN TENAGA SEKTOR SWASTA.+ -- BERSAMBUNG

MAHATHIR-TENAGA 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA PILIHAN ATAU CARA TERSEBUT AKAN DIBUAT BERDASARKAN KEADAAN DALAM TEMPOH RANCANGAN LIMA TAHUN ITU.

TAMBAHNYA, +DALAM RM KETIGA KITA TELAH MENYATAKAN DENGAN JELAS BAHAWA SEBARANG KURANG PENCAPAIAN MATLAMAT PEMBANGUNAN KITA ADALAH DISEBABKAN KEKURANGAN TENAGA KERJA YANG MAHIR.+

DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN JUGA SEDANG MENKAKJI BEBERAPA CARA LAIN UNTUK MENGUJUDKAN SATU RANCANGAN TINDAKAN.

INI TERMASUK SYOR MENYATUKAN PEMBANGUNAN DAN BELANJAWAN MENGURUS SETIAP AGENSI KERAJAAN BAGI MENGUJUDKAN NISBAH YANG REALISTIK ANTARA KEPERLUAN TENAGA KERJA DENGAN PELUANG PEMBANGUNAN.

SATU LAGI IALAH DENGAN MENGADAKAN SATU SISTEM PENILAIAN YANG SEMPURNA BERDASARKAN DATA-DATA YANG DIPEROLEHI DAN PEMERIKSAAN FISIKAL YANG SEBENARNYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN JUGA SEDANG MENKAKJI KEMAMPUAN PERANCANGAN DALAM KEMAJUAN TENAGA KERJA DI BAWAH RM KETIGA. -- BERSAMBUNG 1337/YF

EE

B539

MAHATHIR-TENAGA 4 KUALA LUMPUR

KERAJAAN JUGA SEDANG BERUSHA MENGADAKAN SATU SISTEM BAGI MENENTUKAN KEPERLUAN TENAGA BAGI RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT. KATANYA, DENGAN ADANYA PENDEKATAN YANG SEDEMIKIAN KERAJAAN BERHARAP SETENGAH DARIPADA MASALAH TENAGA KERJA YANG DIHADAPI DALAM RM KEDUA DAN KETIGA TIDAK AKAN MENGHINDAR PELAKSANAAN DAN PENCAPAIAN MATLAMAT-MATLAMAT YANG TELAH DITENTUKAN.

DR. MAHATHIR JUGA BERPENDAPAT BEBERAPA BAHAGIAN SISTEM PERATURAN KERAJAAN PERLU DIPERBAIKI LAGI.

MENURUT BELIAU, JENTERA KERAJAAN TELAH BERKEMBANG PESAT SEJAK MERDEKA TETAPI STRUKTUR UMUM SISTEM PERATURAN MASIH TIDAK BERUBAH.

KEBANYAKAN DARI PERATURAN YANG SEDIA ADA MEMPUNYAI SISTEM KEGIATAN YANG BERPERINGKAT-PERINGKAT IAITU SATU TINGKAT SESUATU PERATURAN ITU PERLU DISELESAIKAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM SATU PERINGKAT LAIN DIMULAKAN.

BELIAU BERPENDAPAT CARA INI MEMAKAN MASA YANG PANJANG SEDANGKAN PERATURAN-PERATURAN TERSEBUT BOLEH DISUSUN SECARA LEBIH BERKESAN MELALUI PELAKSANAAN SESUATU KEGIATAN SECARA SERENTAK. -- BERSAMBUNG
1347/YF

MAHATHIR-TENAGA 5 KUALA LUMPUR

KATANYA, PENYUSUNAN SEMULA SISTEM PERATURAN MENGIKUT CARA INI AKAN DAPAT MEMENDEKKAN TUGAS PEMBANGUNAN SERTA MENJAMIN PENCAPAIAN HASIL YANG LEBIH BESAR DARI BILANGAN KAKITANGAN YANG SAMA.

MENGENAI PEMBERHENTIAN KAKITANGAN DALAM SEKTOR AWAM, DR. MAHATHIR BERKATA SUNGGUHPUN KERAJAAN KEHILANGAN KHIDMAT MEREKA, INI TIDAK BERMAKNA NEGARA KEHILANGAN MEREKA KERANA MEREKA DAPAT TERUS MENDATANGKAN KESAN KEPADA EKONOMI NEGARA.

KERAJAAN, UJARNYA, TELAH MENGGERAKKAN EKONOMI BUKAN SAJA SETAKAT MENYEDIAKAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR MALAHAN DENGAN MERUMUS DAN MELAKSANAKAN DASAR-DASAR KEWANGAN DAN FISKAL YANG RUMIT BAGI MENDATANGKAN HASIL YANG DIKEHENDAKI.

BELIAU MENERANGKAN PIHAK SWASTA HENDAKLAH MEMAHAMI HAKIKAT BAHAWA KERAJAAN TIDAK DAPAT MENANGGUNG BELANJA PEMBANGUNAN TENAGA KERJA DALAM SEKTOR TERSEBUT.

KALANGAN SWASTA MESTILAH MEMAINKAN PERANANNYA SECARA LEBIH POSITIF, TAMBAHNYA.

DR. MAHATHIR BERPENDAPAT PIHAK SWASTA SENDIRI PERLU MEMIKUL BENAN TERSEBUT BAGI MENGADAKAN TENAGA KERJA YANG DIPERLUKAN UNTUK MELAKSANAKAN RANCANGAN DAN PROJEKNYA. -- BERNAMA 1400/YF

182